Rancangan Malaysia Kesembilan

Dalam ekonomi yang semakin global, peningkatan daya saing dan daya tahan negara merupakan matlamat utama Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Oleh itu, salah satu daripada keutamaan penting adalah untuk membangunkan PKS yang berdaya saing dan berdaya tahan, yang dilengkapi dengan keupayaan dan inovasi yang mantap, serta kemahiran pengurusan dan perniagaan.

Penekanan akan diberikan pada pengukuhan kapasiti dan keupayaan PKS untuk membolehkan mereka berinovasi, menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti pada kos yang kompetitif dan bersepadu dalam rantaian bekalan antarabangsa. Ini akan dilengkapi dengan pengukuhan infrastruktur kewangan bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS.

Tumpuan PKS dalam sektor perkilangan adalah untuk meningkatkan keupayaan ke arah aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi dan meningkatkan kapasiti dalam perkhidmatan yang berkaitan, dalam usaha mengubah perusahaan perniagaan menjadi entiti yang intensif pengetahuan dan dapat menghasilkan nilai yang kukuh.

Dalam sektor pertanian, penekanan adalah terhadap pembangunan “Pertanian Baru” yang melibatkan pengembangan pertanian komersial berskala besar dan berkualiti tinggi serta pemprosesan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan bioteknologi.

Pertanian dan Industri Berasaskan Pertanian

Selaras dengan penekanan baru untuk mempergiat semula sektor pertanian sebagai enjin pertumbuhan ketiga, Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM11.4 bilion bagi melaksanakan pelbagai program dan projek pertanian.

Peruntukan ini ialah 84% lebih tinggi daripada RM6.2 bilion yang dibelanjakan untuk pembangunan pertanian di bawah Rancangan Malaysia Ke-8.

> Penekanan baru untuk mempergiat semula sektor pertanian sebagai enjin pertumbuhan ketiga.

Sepanjang tempoh lima tahun ini, tumpuan akan diberikan pada pembangunan Pertanian Baru, yang melibatkan pengembangan pertanian komersial berskala besar, mengusahakan aktiviti pertanian yang berkualiti dan nilai ditambah yang tinggi, serta memanfaatkan sepenuhnya potensi dalam bioteknologi.

Sehubungan dengan itu, dasar dan strategi khusus akan dilaksanakan bagi mempercepat transformasi sektor pertanian negara menjadi sektor moden, dinamik dan berdaya saing. Teras dasar itu termasuk:

- Meningkatkan pengeluaran pertanian, termasuk meneroka sumber pertumbuhan baru dengan penyertaan sektor swasta yang lebih meluas;
- Mengembangkan aktiviti pemprosesan berasaskan pertanian dan kepelbagaian produk;
- Memperkukuh pemasaran dan rangkaian global;
- Meningkatkan pendapatan pekebun kecil, petani dan nelayan; dan
- Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan.

Untuk mengubah sektor pertanian supaya menjadi perniagaan yang berdaya maju melalui peningkatan pengeluaran, usaha akan dilaksanakan bagi membangunkan usahawan pertanian dan memperkukuh usahawan kecil dan sederhana yang sedia ada. Ini termasuk pelaksanaan program keusahawanan pertanian bagi membangunkan lebih ramai usahawan pertanian Bumiputera yang lebih berkebolehan. Usaha juga akan diambil untuk membangunkan usahawan di kalangan generasi baru peneroka FELDA dan peserta projek pembangunan tanah yang lain.

Sehubungan dengan itu, latihan khas, kemudahan kredit dan bantuan teknikal akan di sediakan.

Malaysia akan dibangunkan sebagai sebuah pusat pensijilan produk Halal dan pensijilan halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan dipromosikan ke seluruh dunia.

Dalam bidang pembiayaan untuk sektor pertanian, Bank Negara Malaysia (BNM) akan mengambil langkah-langkah bagi memastikan akses kepada kredit yang lebih mudah. Inisiatif utama dalam aspek ini ialah penstrukturan semula dan transformasi Bank Pertanian Malaysia (BPM) untuk memperkukuh kapasiti dan keupayaannya dalam memberikan pinjaman. Kredit mikro akan disediakan bagi memudahkan penyertaan petani dan nelayan kecil dalam pelbagai projek.

Di samping itu, BNM juga akan mewujudkan dua dana modal usaha niaga berjumlah RM150 juta setiap satu untuk sektor ini, bagi mewujudkan dan membangunkan perniagaan pertanian bersepadu. Bidang yang menjadi sasaran pelaburan ialah perladangan dan perikanan bersepadu serta usaha berkaitan bioteknologi.

Tumpuan juga akan diberikan untuk menambah baik infrastruktur pemasaran dan pengedaran. Peranan FAMA dan LKIM akan dikaji semula untuk meningkatkan penyelarasan dan Perbadanan Pertanian dan Pemakanan Nasional akan ditubuhkan bagi menjalankan aktiviti pemasaran dan pengedaran pengeluaran pertanian dalam skala yang besar.

Perkilangan dan Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan

Bagi tempoh lima tahun yang akan datang, matlamat utama adalah untuk meningkatkan keupayaan sektor perkilangan ke arah aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi dan meningkatkan kapasitinya. Lebih keutamaan akan diberikan pada usaha penggalakan strategi yang didorong oleh teknologi dan inovasi. Sementara itu, tumpuan akan diberikan pada usaha membentuk perusahaan perniagaan perindustrian dan perkhidmatan sokongan, terutamanya PKS, supaya menjadi entiti yang intensif pengetahuan dan dapat menghasilkan nilai yang kukuh.

> Keutamaan akan diberikan pada usaha penggalakan strategi yang didorong oleh teknologi dan inovasi.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2.2 bilion untuk pembangunan PKS dalam sektor perkilangan di bawah RMKe-9. Ini mencakupi hampir 30% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan yang dirancang untuk sektor perkilangan dan perkhidmatan yang berkaitan di bawah RMKe-9.

Teras dasar adalah untuk mempercepat peningkatan perindustrian dan mengekalkan daya saing termasuk:

- Memperkukuh integrasi strategik dengan ekonomi global;
- Menggalakkan sumber baru pertumbuhan perindustrian dan penghasilan kekayaan;
- Membangunkan PKS yang didorong oleh inovasi untuk bersaing dalam pasaran global;
- Membangunkan industri perkhidmatan yang berkaitan yang cekap dan berdaya saing bagi meningkatkan prestasi sektor perkilangan;
- Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam perkilangan;
- Menyediakan insentif yang lebih terfokus bagi industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi; dan
- Meningkatkan penawaran dan kualiti sumber manusia yang mahir yang diperlukan untuk peningkatan teknologi dan perindustrian.

Menggalakkan Sumber Pertumbuhan Perindustrian Baru

Dalam tempoh RMKe-9, usaha akan diambil bagi meningkatkan pembangunan sumber pertumbuhan baru, terutama dalam aktiviti berasaskan sains dan inovasi, khususnya industri bioteknologi serta teknologi komunikasi dan maklumat (ICT). Ini akan membantu mempelbagai dan memperluas asas perkilangan.

Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan membantu pembangunan kelompok perindustrian di Pulau Pinang, Kedah, Pahang dan Terengganu.

Satu lagi sumber pertumbuhan perindustrian baru yang akan terus dibangunkan ialah industri kraf tangan. Sehubungan dengan itu, industri tradisional tempatan seperti kraf tangan, batik dan songket akan dipermoden dan dipertingkatkan hingga mencapai piawaian antarabangsa.

Sokongan Perkhidmatan untuk Sektor Perkilangan

Trend penggunaan perkhidmatan pihak ketiga yang semakin meningkat oleh syarikat besar terutamanya syarikat multinasional (MNC) akan membuka peluang yang lebih luas dalam menyediakan khidmat sokongan, khususnya untuk PKS. Untuk tujuan itu, Tabung Pembangunan Sektor Perkhidmatan untuk PKS akan diwujudkan bagi membantu usahawan yang berpotensi meningkatkan kemahiran teknikal dan profesional mereka.

Penjenamaan ialah satu lagi cara untuk membantu meningkatkan prestasi sektor perkilangan. Usaha akan diambil untuk meningkat kesedaran PKS mengenai inovasi dan pengiklanan bagi memperkukuh jenama tempatan dan meningkat bahagian pasaran.

Meningkatkan Penglibatan Bumiputera

Di bawah rancangan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor perkilangan, usaha akan diambil bagi mewujudkan usahawan tekno Bumiputera melalui kerjasama dengan institusi penyelidikan dan perusahaan berasaskan teknologi yang lebih besar.

Usaha ini bertujuan untuk memupuk dan mewujudkan masyarakat usahawan Bumiputera yang inovatif, yang terlibat dalam pembangunan teknologi yang berpotensi untuk dikomersialkan serta menghasilkan kekayaan.

Perusahaan Bumiputera akan dipupuk sebagai rakan kongsi bagi meneroka peluang-peluang baru dan pelbagai, yang timbul daripada penggunaan perkhidmatan pihak ketiga oleh MNC dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Peranan Institut Keusahawanan Negara sebagai pusat penyelarasan latihan keusahawanan dan profesional akan dipertingkatkan. Selain itu, akses kepada teknologi, kewangan, pasaran serta lokasi yang strategik akan ditingkatkan.

Tumpuan Insentif pada Industri Nilai Ditambah Tinggi

Sebagai usaha utama untuk menggalakkan pelaburan dalam industri yang mempunyai nilai ditambah tinggi dan intensif pengetahuan, Dana Pelaburan Strategik berjumlah RM600 juta akan diwujudkan. Dana itu akan digunakan untuk menarik pelaburan berkualiti dalam projek intensif pengetahuan, penjimatan tenaga kerja dan mempunyai kandungan teknologi tinggi.

Keutamaan akan diberikan untuk mempertingkatkan kemahiran yang menggalakkan penggunaan pengetahuan secara intensif dalam sektor perkilangan terutamanya di kalangan PKS. Sejumlah RM463 juta akan disediakan untuk mencapai matlamat ini.

Kerana pentingnya perkhidmatan berkaitan perkilangan (MRS), terutamanya kepada PKS, pinjaman mudah berjumlah RM220 juta akan diperuntukkan kepada usahawan bagi pembelian jentera dan kelengkapan baru apabila ia berkembang dalam sektor MRS.

PKS yang Didorong Inovasi

Untuk bersaing dalam pasaran global, tumpuan strategi bagi PKS adalah untuk mewujudkan PKS yang berprestasi cemerlang dan berdaya tahan serta dilengkapi dengan keupayaan teknikal dan inovasi yang mantap di samping mempunyai kemahiran pengurusan dan perniagaan. Ini bertujuan supaya PKS dapat merealisasikan peluang pekerjaan baru dan meningkatkan akses kepada pasaran.

Keupayaan dan kemampuan PKS tempatan akan diperkukuh bagi menghasil produk dan perkhidmatan yang berinovasi dan berkualiti pada kos yang berdaya saing.

Rantaian antara firma yang terdapat antara PKS dengan syarikat besar tempatan akan dipertingkatkan bagi membolehkan PKS menjadi lebih berdaya saing, berinovasi dan menjadi pembekal yang boleh dipercayai, bagi rangkaian penggunaan perkhidmatan pihak ketiga global. Ini akan membantu memudahkan kemasukan mereka ke pasaran eksport baru.

Satu platform untuk perusahaan baru mula dan inkubator akan dibina bagi mewujudkan sekumpulan usahawan baru yang didorong oleh inovasi untuk mencambah perniagaan dan perkhidmatan baru. Kerajaan akan menggalak penubuhan inkubator teknologi bagi memupuk firma dan usahawan baru.

SMIDEC bersama-sama dengan agensi yang lain dan sektor swasta akan mengkaji semula program latihan dan perantisan yang sedang dilaksanakan dan merangka program baru untuk merangkumi rancangan dan strategi pengurusan pengetahuan serta aplikasi dan amalan berasaskan pengetahuan di kalangan PKS.

Kerajaan akan terus membantu PKS dengan menyediakan tapak perindustrian pada kos yang lebih berdaya saing. Dalam tempoh rancangan ini, sejumlah RM927.5 juta akan disediakan sebagai pinjaman mudah kepada perbadanan kemajuan ekonomi negeri dan lembaga kemajuan wilayah untuk membangunkan tapak perindustrian dan taman PKS khas. Ini termasuk pusat pertanian dan halal.

Di samping itu, peruntukan sebanyak RM833 juta akan disediakan bagi membina premis perniagaan dan menyediakan ruang pejabat di lokasi yang strategik.

Pembangunan industri luar bandar akan terus menjadi wahana penting ke arah meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk luar bandar. Program pembangunan bersepadu untuk usahawan yang berpotensi termasuk pemasaran dan pengedaran, serta peningkatan keupayaan pengurusan perniagaan juga akan disediakan.

Mengarusperdanakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Di bawah RMKe-9, kemajuan dalam persekitaran digital global dijangka memberi kesan terhadap kedudukan Malaysia sebagai ekonomi ilmu yang berdaya saing.

Sehubungan dengan itu, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) ialah penentu utama dalam proses pembangunan bagi meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai.

Sejumlah RM12.9 bilion akan diperuntukkan untuk program dan projek berkaitan ICT di bawah rancangan ini, dengan sebahagian besar peruntukan itu adalah untuk pengkomputeran kementerian dan agensi Kerajaan. Pembiayaan khusus akan disediakan untuk menggalakkan pembangunan kandungan dan keusahawanan ICT.

Di bawah Program Pembangunan Usahawan Tekno, lebih banyak inkubator akan ditubuhkan untuk membangunkan PKS ICT yang berdaya saing. Ini akan dilaksanakan dengan kerjasama MNC dan GLC yang terpilih serta ahli akademik dan institusi R&D.

Bentuk bantuan yang akan disediakan tidak terbatas kepada pemadanan dana, malahan merangkumi perkhidmatan mentor dan penilaian risiko teknologi yang pelbagai. Untuk tujuan ini, pembiayaan peringkat prabenih, benih dan awal akan disediakan.

Menjana Kekayaan Melalui Bioteknologi

Bioteknologi akan menjadi pendorong arus industri berasaskan pengetahuan seterusnya yang akan menyumbang kepada pertumbuhan dan penjanaan kekayaan dalam negara. Matlamatnya adalah untuk memanfaatkan potensi bioteknologi sebagai sumber penjana kekayaan yang semakin berkembang dan mempertingkatkan aplikasi bioteknologi dalam pelbagai sektor ekonomi.

Sehubungan dengan ini, rangka kerja keinstitusian, kawal selia dan kewangan yang sesuai akan diwujudkan untuk menggalakkan bioteknologi sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Peruntukan sebanyak RM2 bilion akan disediakan bagi tujuan pembangunan bioteknologi dengan hampir separuh daripadanya adalah untuk pembangunan infrastruktur fizikal. Baki peruntukan akan digunakan untuk permbangunan infrastruktur bukan fizikal termasuk R&D dan program pembangunan perniagaan.

Sasaran pembangunan bioteknologi adalah untuk sekurang-kurangnya menggandakan bilangan syarikat bioteknologi dan yang berkaitan bioteknologi kepada 400 syarikat menjelang tahun 2010.

Projek bioteknologi berhadapan dengan risiko yang tinggi, tempoh tunggu hasil yang panjang, pelaburan awal yang besar dan pematuhan peraturan yang ketat. Untuk mengubah sektor ini menjadi sektor yang berkembang dengan pesat, pembiayaan merupakan faktor yang amat penting.

Oleh itu, sektor awam akan melengkapi sektor swasta dari segi pembiayaan melalui peruntukan sebanyak RM2 bilion, termasuk beberapa program bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan sektor swasta.

Pembiayaan R&D dalam bioteknologi akan disediakan melalui sumber sedia ada dan dana baru seperti *ScienceFund* dan *TechnoFund*. Untuk mengkomersialkan dapatan penyelidikan, geran padanan melalui Tabung Pengkomersialan R&D disediakan.

Dana Pengkomersialan Bioteknologi yang khusus (dengan peruntukan sebanyak RM100 juta) akan diwujudkan untuk menyediakan geran padanan kepada syarikat R&D dan syarikat yang menjalankan R&D secara dalaman. Pembiayaan peringkat awal ini boleh diperoleh melalui Tabung Sains Hayat Malaysia.

Pinjaman mudah akan disediakan untuk pembangunan perniagaan antarabangsa, terutamanya bagi perniagaan yang memerlukan teknologi yang intensif, penilaian produk, dan proses pendaftaran dan kelulusan yang rumit sebelum memasuki pasaran antarabangsa.

Bagi mengkomersialkan R&D dan mewujudkan syarikat baru, pelbagai usaha akan diambil untuk memupuk lebih ramai usahawan bioteknologi yang lebih besar. Dengan peruntukan permulaan sebanyak RM50 juta, projek pembangunan usahawan bioteknologi akan dilaksanakan.

Sementara itu, Majlis Pelaksanaan Bioteknologi akan ditubuhkan bagi menentukan hala tuju dasar keseluruhan, mengawasi pelaksanaan inisiatif bioteknologi negara dan menyediakan forum untuk memastikan penyelarasan antara Kementerian. Majlis ini akan bekerjasama rapat dengan Kementerian dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk menarik pelaburan dan meningkatkan penyertaan sektor swasta.

Sektor Kewangan Berkembang Pesat – Meningkatkan Akses kepada Pembiayaan bagi PKS

Sememangnya disedari bahawa akses kepada pembiayaan bagi PKS perlu dipertingkatkan supaya mereka dapat menjadi penyumbang yang lebih besar kepada ekonomi negara.

> Institusi perbankan akan terus menjadi pembiaya utama dana kepada PKS, sementara Kerajaan akan memainkan peranan sebagai pelengkap dengan menyediakan dana dan pakej pembiayaan khas.

Skim pembiayaan Kerajaan termasuk tabung pembiayaan mikro untuk PKS dalam bidang khusus termasuk pertanian dan industri berasaskan pertanian, bioteknologi dan ICT.

Sementara itu, Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) akan terus melengkapi institusi perbankan dalam menyediakan pembiayaan khususnya dalam bidang keutamaan dan pertumbuhan baru. Salah satu strategi utama di bawah RMKe-9 adalah supaya IKP memberi tumpuan ke arah pembangunan PKS yang berdaya saing dan berorientasikan global.

Sehubungan dengan itu, SME Bank akan terus meningkatkan peranannya dalam menggembleng dan menyediakan sumber pembiayaan alternatif serta memudahkan akses kepada perkhidmatan bukan kewangan yang berkaitan. SME Bank akan menyediakan jaminan dan memudahkan pensekuritian pinjaman PKS.

Bagi menggalakkan penyertaan PKS yang lebih mendalam dalam pasaran eksport, pengaturan pembiayaan perdagangan baru (pembiayaan pra dan pascapenghantaran) telah diperkenalkan. Penyebaran maklumat mengenai skim pembiayaan serta perkhidmatan khidmat runding dan khidmat nasihat akan dipertingkatkan.

Perdagangan Edaran yang Berkembang Maju

Sektor perdagangan edaran, yang merangkumi perdagangan borong dan runcit, menjana banyak peluang pelaburan dan pekerjaan dalam banyak sektor.

Dalam tempoh RMKe-9, usaha akan diambil untuk memperbaik rangka kerja pengawalseliaan bagi mewujudkan pembangunan dan pemantauan perdagangan edaran domestik yang teratur.

Memandangkan lebih daripada 85% PKS dalam negara terlibat dalam aktiviti perdagangan edaran, usaha akan diambil untuk menggalakkan pembangunan infrastruktur sokongan. Ini termasuk menyediakan premis perniagaan dan perkhidmatan berkaitan, serta memperkukuh kemahiran pengurusan dan teknikal.

Kerajaan akan meneruskan kerjasama dengan pihak industri bagi meningkatkan rantaian antara firma dan akses kepada pasaran, termasuk penggunaan ICT untuk meningkatkan produktiviti dan juga kecekapan pada sepanjang dan pada setiap tahap rantaian bekalan.

PKS akan diberi bantuan untuk menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan yang inovatif serta meningkatkan kapasiti mereka supaya dapat beroperasi di lokasi yang strategik. Ini akan menggalakkan PKS meningkatkan bahagian pasaran domestik mereka dan menceburi pasaran eksport.

Akses kepada maklumat dan risikan pasaran akan dipertingkatkan supaya PKS dapat bertindak balas terhadap tuntutan pengguna yang sering berubah.

Memanfaatkan Sains, Teknologi dan Inovasi

RMKe-9 akan memanfaatkan sains, teknologi dan inovasi sebagai pemacu utama dalam mempertingkatkan keupayaan menghadapi persekitaran global yang lebih mencabar dan berdaya saing.

Keutamaan yang lebih tinggi akan diberikan kepada R&D yang berorientasikan pasaran dan meningkatkan kadar pengkomersialan. Sementara itu, usaha akan diambil untuk memperkukuh modal insan dengan keupayaan dan kemampuan teknologi bagi menyokong pertumbuhan yang didorong oleh inovasi.

Berhubung dengan PKS, RMKe-9 mempunyai matlamat untuk meningkatkan kemampuan dan keupayaan teknologi PKS kerana cabaran globalisasi dan persaingan yang semakin meningkat.

Ini bermakna, strategi akan ditumpukan pada pemerolehan teknologi yang akan mendorong PKS ke tahap yang lebih tinggi dalam rantaian nilai sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan.

Bagi mempercepat peningkatan keupayaan membangunkan teknologi tempatan di kalangan PKS, program khusus akan dilaksanakan bagi memupuk PKS tempatan sebagai rakan kongsi R&D untuk mengambil peluang daripada aktiviti penggunaan perkhidmatan pihak ketiga oleh MNC dan GLC untuk tujuan R&D.

Langkah-langkah untuk menggalakkan kerjasama perniagaan di kalangan MNC, GLC dan PKS akan diambil. Ini bagi memudahkan pemindahan teknologi dan pembangunan kemahiran, serta pemasaran. Lebih banyak R&D sasaran akan dilaksanakan oleh universiti dan institusi penyelidikan dengan kerjasama PKS.

Sementara itu, pembangunan usahawan tekno akan diperluas untuk menyokong PKS yang berasaskan sains dan teknologi bagi memanfaatkan pembangunan teknologi tempatan, khususnya di kalangan PKS Bumiputera.

Menggalakkan Peluang-Peluang Sumber Pertumbuhan Baru bagi PKS

Dengan trend yang menjurus ke arah globalisasi dan pembangunan ekonomi ilmu, faktor utama yang memberikan kesan kepada operasi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pada masa ini ialah inovasi, kualiti, kepantasan dan pasaran. Sehubungan dengan ini, rantaian nilai global dan tempatan sedang disusun semula, manakala integrasi ekonomi sedang diperhebat walaupun ketika produktiviti dan kos yang terus meningkat.

Kerajaan terus memperkukuh infrastruktur yang membolehkan penggalakan pembangunan PKS berprestasi cemerlang melalui pembudayaan properniagaan serta menyediakan pelbagai insentif termasuk langkah fiskal, pembiayaan, pembentukan kemahiran, infrastruktur dan sistem sokongan. Tumpuan khusus juga diberi untuk memperluas skop dan liputan perjanjian serantau dan dua hala Malaysia, melalui perjanjian perdagangan bebas dan perjanjian perkongsian ekonomi. Ini bagi memastikan akses yang lebih besar kepada pasaran, perdagangan dan peluang pelaburan

Usaha Kerajaan tidak akan berkesan tanpa iltizam PKS untuk menerajui usaha mencipta kelebihan bersaingan yang baru dan dapat dikekalkan. Ini akan hanya terhasil melalui PKS yang berpandangan jauh, yang secara agresif meninggikan kedudukannya dalam rantaian nilai dengan membangunkan dan menerima pakai teknologi teras yang canggih sambil mencari peluang baru dalam industri dan perkhidmatan utama.

Prestasi masa hadapan PKS akan semakin bergantung pada kemampuannya untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan bagi menjana pendapatan dan kekayaan daripada kelompok perindustrian sedia ada serta yang baru muncul termasuk perkhidmatan.

Oleh itu, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, beberapa subsektor dalam sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan telah dikenal pasti sebagai berpotensi untuk menjadi sektor pertumbuhan. Ini pada asasnya melibatkan penggunaan teknologi baru dan teknologi yang dipertingkatkan yang akan memudahkan peningkatan kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi dan berteknologi tinggi. Ini akan mengurangkan persaingan langsung dengan negara yang mempunyai kos buruh yang lebih rendah dan pada masa yang sama, memperkukuh kedudukan negara dalam rantaian nilai di peringkat antarabangsa.

Pada dasarnya, usaha ini melibatkan pembangunan keusahawanan yang bertahap tinggi dan generasi usahawan global akan datang yang menghasilkan produk bernilai tinggi dalam sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan, dengan R&D yang lebih luas dan berinovasi:

- Dalam sektor perkilangan, asas produk bagi industri ***elektrik dan elektronik (E&E)*** dijangka berkembang dengan penggunaan meluas bahan maju dan teknologi baru termasuk digital, tanpa wayar, teknologi nano dan fotonik. Perkembangan baru, khususnya di wilayah utara yang meliputi Pulau Pinang dan peluasan Taman Teknologi Tinggi Kulim di Kedah dan dalam Lembah Klang, dijangka merangsang pertumbuhan subsektor E&E yang lebih tinggi. Syarikat multinasional (MNC) dalam industri E&E dijangka terus menggunakan sumber tempatan serta perkhidmatan pihak ketiga bagi beberapa aktiviti bukan teras mereka di seluruh dunia. Sehubungan dengan itu, PKS di Malaysia khususnya, perlu didorong ke arah mengambil peluang ini dan meningkatkan penglibatan dalam rantaian bekalan global E&E.

- Pengembangan industri ***jentera dan kelengkapan (J&K)***, pertahanan dan petrokimia akan turut menawarkan peluang pertumbuhan baru dari segi pembangunan baru produk dan proses, dan melalui rantaian dengan industri lain termasuk aeroangkasa, automotif dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Antara lain, langkah ini akan melibatkan pelaksanaan Taman Perindustrian J&K yang khusus dalam Zon Bebas Cukai (FTZ) yang sedia ada atau dalam kawasan hab pengangkutan yang akan menempatkan syarikat yang membuat pengkhususan dalam reka bentuk yang inovatif, kejuruteraan, fabrikasi dan pembuatan pelbagai alat ganti dan komponen dalam banyak sektor ekonomi.

Rencana Khas : Menggalakkan Peluang-Peluang Sumber Pertumbuhan Baru bagi PKS

- Terdapat banyak peluang pelaburan hasil daripada aktiviti nilai ditambah yang tinggi dan intensif teknologi dalam ***industri automotif*** yang masih belum diteroka. Kapasiti produktif dan teknikal yang ditingkatkan dalam industri automotif akan membolehkan penglibatan pengeluar tempatan yang lebih meluas, terutamanya PKS, dalam pengeluaran alat ganti dan komponen automotif berprestasi tinggi bagi pasaran tempatan dan global. Kelompok automotif sedia ada dan yang baru, terutamanya di Lembah Klang dan Tanjung Malim serta Gurun dan Bertam di Wilayah Utara, akan membantu pertumbuhan sektor automotif seterusnya.

- Pendekatan yang holistik terhadap pembangunan ***industri bioteknologi***, yang meliputi bioteknologi tani, bioteknologi penjagaan kesihatan dan bioteknologi perindustrian, juga akan menjadi sumber pertumbuhan baru, terutamanya bagi PKS yang mampu membangunkan produk dan perkhidmatan *niche*. Terdapat skop yang begitu luas dalam usaha untuk memperkukuh R&D berasaskan bioteknologi yang sedang dijalankan serta pemindahan, pengkomersialan dan penggunaan produk dan proses bioteknologi yang baru. Bioproduk, termasuk perubatan tradisional dan herba serta makanan tambahan lain juga perlu dimajukan bagi pasaran *niche*. Pembangunan industri nutraseutikal dijangka mendapat manfaat daripada penggunaan tumbuh-tumbuhan dan sumber laut secara meluas. Dalam bidang produk penjagaan kesihatan dan farmaseutikal, pengeluaran, pengedaran dan pemasaran ubat-ubatan dan vaksin generik menyediakan peluang-peluang pelaburan baru. Dalam bioteknologi perindustrian, terdapat ruang untuk pembangunan produk baru termasuk biobahan, enzim perindustrian dan biopemangkin. PKS perlu turut serta dalam membangunkan jenama BioNexus Malaysia dengan berinovasi dan berkembang menjadi syarikat bioteknologi bertaraf dunia.

- Penekanan semula terhadap bidang ***pertanian*** akan menyediakan platform yang lebih komersial dan berasaskan teknologi untuk merangsang pertumbuhan dan pembangunan sektor ini. Secara khusus, industri makanan halal termasuk pemprosesan daging, produk ternakan, perikanan serta sayur-sayuran dan buah-buahan menyediakan pelbagai peluang pelaburan baru yang mampu mencapai taraf global. Pendekatan bersepadu ke arah pembangunan industri makanan halal dari ladang hingga ke meja makan sedang dirangka, yang boleh dimanfaatkan oleh PKS.

Untuk tujuan ini, beberapa negeri termasuk Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang akan memperluas taman perindustrian halal sedia ada dan/atau membangunkan kawasan yang baru. Di samping itu, program khas "Malaysia the Truly Asian Kitchen" akan dilaksana untuk menggalakkan penglibatan PKS dalam industri makanan yang berkembang maju di dalam dan juga di luar negara.

- Terdapat permintaan yang semakin meningkat terhadap pengetahuan dan kepakaran khusus dalam beberapa ***subsektor perkhidmatan***. Subsektor yang sedang berkembang, yang meliputi kewangan, pelancongan, pendidikan, kesihatan, perdagangan edaran serta perkhidmatan berkaitan ICT termasuk perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga (SSO) yang bernilai tinggi, menyediakan peluang pelaburan tambahan dan pakatan strategik yang dapat dibangunkan seterusnya oleh PKS.

- ***Industri kandungan digital***, yang sebahagian besarnya merangkumi industri kreatif multimedia berasaskan inovasi dan teknologi mempunyai potensi besar untuk dibangunkan, termasuk terutamanya perisian komputer dan perkhidmatan Internet. Bidang yang memerlukan tahap pendigitalan yang tinggi meliputi aktiviti penyiaran, reka bentuk dan kejuruteraan, liburan atau permainan digital, pengiklanan dan penerbitan serta industri telekomunikasi yang berkaitan.

- ***Industri pelancongan*** menawarkan skop yang amat luas dari segi pembangunan kreativiti, inovasi dan keusahawanan dalam aktiviti perniagaan dan liburan. Peluang pelaburan yang pelbagai termasuk pembangunan hotel dan tempat peranginan serta kepelbagaian perkhidmatan dan tarikan yang disediakan akan terus mempromosikan Malaysia sebagai satu destinasi pilihan termasuk ekopelancongan dan agropelancongan, kebudayaan dan warisan, pusat membeli-belah antarabangsa serta penganjuran acara utama khususnya aktiviti sukan dan persidangan antarabangsa.

- Prospek ***sektor pelancongan kesihatan dan pendidikan*** di Malaysia yang lebih baik adalah hasil daripada permintaan terhadap perkhidmatan profesional dan yang berdaya saing serta perkhidmatan yang bersifat peribadi dan mengikut keperluan pengguna yang meningkat dalam bidang ini, iaitu dari dalam dan luar negara. Sektor perkhidmatan kewangan juga menawarkan peluang bagi PKS membangunkan produk dan perkhidmatan *niche* untuk pelanggan yang disasar.

- Pembangunan dalam ***perdagangan edaran*** termasuk rantaian runcit tempatan, francais dan jualan langsung dijangka mewujudkan PKS yang lebih berdaya saing, berupaya menyesuaikan diri kepada perubahan gaya hidup pengguna, mencari peluang perniagaan baru dan terlibat dalam rantaian bekalan global. Pakatan strategik antara pembekal berskala kecil dan sederhana dengan pembeli, khususnya pasar raya besar akan digalakkan untuk meningkatkan kerjasama antarabangsa dan penglibatan dalam pasaran global.

- Dalam bidang inovasi dan ***keusahawanan tekno***, dengan akses yang lebih meluas kepada modal usaha niaga, aktiviti inkubasi, pembangunan produk serta penambahbaikan reka bentuk dan kualiti, PKS akan mampu menjana aktiviti ekonomi baru yang menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Prasyarat yang dikehendaki ialah PKS perlu meningkatkan teknologi serta keupayaan dalam pengurusan pengetahuan dan maklumat IT. PKS perlu membangunkan pangkalan data bagi industri tertentu secara dalam talian dan sistem e-dagang, mewujudkan pasukan e-pembolehan (e-enablement) dan e-khidmat untuk e-penerimapakaian (e-adoption) bersepadu, mewujudkan tempat pasaran secara elektronik, menggalakkan pembelajaran dalam talian dan menerima pakai capaian internet jalur lebar.

Secara ringkas, untuk PKS terlibat sama dan memainkan peranan yang lebih penting dalam memacu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, PKS perlu secara berterusan menyusun strategi perniagaan dan menempatkan semula kedudukan mereka untuk menghadapi suasana ekonomi serantau dan global yang sentiasa berubah. PKS Malaysia perlu membentuk perkongsian strategik dengan perusahaan perniagaan antarabangsa untuk terus berdaya saing dan membina budaya inovasi dan keusahawanan yang mendorong kepada pengembangan keupayaan yang kukuh bagi mewujudkan permintaan baru serta menjana pasaran baru. Pada masa yang sama, integrasi dengan peserta global akan membolehkan kapasiti dan keupayaan ditingkatkan serta memberikan kesan pengganda dan limpahan yang meluas dalam ekonomi negara.